

NO. KAD PENGENALAN

							-								
--	--	--	--	--	--	--	---	--	--	--	--	--	--	--	--

ANGKA GILIRAN

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

NAMA TINGKATAN

MODUL PINTAS 2024
TINGKATAN 5

1249/2

SEJARAH

Kertas 2

2 jam 30 minit

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Tulis nombor kad pengenalan, angka giliran, nama, tingkatan anda pada ruangan yang disediakan.
2. Kertas peperiksaan ini mengandungi dua bahagian: **Bahagian A dan Bahagian B.**
3. Jawapan bagi **Bahagian A** hendaklah ditulis pada ruang yang disediakan dalam kertas peperiksaan.
4. Jawapan bagi **Bahagian B** hendaklah ditulis dalam buku jawapan yang dibekalkan oleh pengawas peperiksaan. Sekiranya buku jawapan tidak mencukupi, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan.
5. Ceraikan **Bahagian B** daripada kertas peperiksaan ini. Calon ada pilihan sama ada mencantumkan buku jawapan bersama-sama kertas peperiksaan ini dengan menggunakan stapler atau menebuk lubang kemudian ikat dan serahkan kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.
6. Markah yang diperuntukkan bagi setiap soalan atau ceraihan soalan ditunjukkan dalam kurungan.

Kegunaan Pemeriksa			
Kod Pemeriksa :			
Bahagian	Soalan	Markah Penuh	Markah Diperoleh
A	1	10	
	2	10	
	3	10	
	4	10	
B	5	20	
	6	20	
	7	20	
	8	20	
	9	20	
Jumlah		100	

Kertas peperiksaan ini mengandungi 11 halaman bercetak dan 1 halaman tidak bercetak.

1249/2

Latih Tubi

[Lihat halaman sebelah

① Tentukan bab utk setiap soalan

Struktur → S3 + S4 → F5

↓
S1 + S2 → F4

2

Bahagian A

[40 markah]

Jawab semua soalan.

1249/2
3 C
cah maklumat
BT nota
cepat
catat

1 Tokoh berikut penting dalam gerakan nasionalisme di Asia Tenggara.

T4B2

Filipina



X



Y

Thailand
(PM)
Revolusi Thai

(a) Namakan tokoh:

X: Jose Rizal ✓

Y: Phibul Songkram ✓

[2 markah]

soalan berkait

(b) Mengapakah tokoh di 1(a) melakukan gerakan nasionalisme?

Jose Rizal menuntut Filipina dijadikan sebagai wilayah Spanyol. Selain itu, beliau menuntut perubahan dlm politik, ekonomi dan sosial. Manakala, Phibul Songkram mengkritik kelemahan pentadbiran Raja Vajiravudh dan penguasaan politik oleh kerabat raja. Selain itu, beliau tidak puas hati dgn penguasaan ekonomi oleh orang Cina.

[4 markah]

4

2F2H

IIPS

JR → menuntut hak yg sama utk bangsa Filipina seperti Sepanyol → m'hapuskan penjajahan asing.

1249/2

- (c) Kewibawaan pemimpin memberi kejayaan kepada negara.
Jelaskan pernyataan tersebut.

Pemimpin mestilah bijak mengatur strategi untuk memajukan negara. Hal ini akan membekalkan keyakinan kpd pelabur utu melabur di Malaysia. Seterusnya imej negara akan dipandang tinggi.

[4 markah]

Pemimpin mestilah berpandangan jauh / berwawasan utk mencapai kejayaan. Selain itu, perlu bersikap terbuka utk memastikan kestabilan politik.

KL → Tanjung Pagar, → Karachi. → London
 Singapura kapal laut Pakistan kapal terbang

1249/2

Kesungguhan Raja-raja Melayu, para pemimpin dan rakyat dalam usaha menuntut kemerdekaan telah membawa misi kemerdekaan ke London yang akhirnya menghasilkan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957.

T4B 9

(a) Perihalkan perjalanan rombongan ke London.


Tunku Abd Rahman berangkat ke Singapura dgn menaiki kapal terbang. Seterusnya rombongan kemerdekaan menaiki kapal (Mv Asia) yg b'lepas dr Tanjung Pagar, Singapura. Rombongan tiba di Karachi dan m'kt menaiki kapal terbang ke London. [2 markah]

(b) Jelaskan inti pati Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957.

Intipati Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957 ialah Raja Berlembagaan dan Kerakyatan Demokrasi Berparlimen diamalkan. Islam ialah agama rasmi persekutuan dan agama lain boleh diamalkan. Bah. Melayu diiktiraf sebagai bahasa kebangsaan. Semua penduduk PTM mempunyai hak s'erta kewajipan yang sama. [4 markah]

(c) Toleransi antara kaum membolehkan negara kita mencapai kemerdekaan tanpa pertumpahan darah. Berikan pandangan anda.

Kerjasama antara kaum sangat penting untuk mewujudkan suasana yang harmoni. Kemerdekaan yang kita peroleh adalah melalui rundingan. Hal ini menunjukkan wujudnya persufahaman antara rakyat. Sekali gus dapat membina kemajuan negara. [4 markah]



Tujuan ke London 1956
 TAR

→ utk mendapatkan tarikh kemerdekaan → 31/8/1957



- 3 Perlembagaan Persekutuan Malaysia memperuntukkan kuasa yang khusus antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri.

Fshj

(a) Nyatakan perkara yang terkandung dalam Senarai Bersama.

Antara perkara tersebut ialah penyediaan dan biasiswa. Selain itu ialah kesihatan awam dan pencegahan penyakit. Seterusanya ialah perancangan bandar dan luar bandar.

[3 markah]

Fshj

(b) Berikan fungsi Kerajaan Tempatan.

Fungsi kerajaan tempatan ialah mengedarkan lesen peniaga dan perkhidmatan pembesikan. Selain itu, Kerajaan tempatan menyelenggara jalan raya dan sistem saliran.

[3 markah]

↓ Cara / tindakan

(c) Bagaimanakah rakyat membantu memperkasakan Kerajaan Tempatan?

Rakyat mestilah mendapat lesen peniaga sebelum memulakan perniagaan. Selain itu, rakyat mestilah membantu pihak penguasa utu tidak membuang sampah merata-rata utu malahan saliran tersumbat. Rakyat mestilah mematuhi peraturan / undang-² yg telah ditetapkan. Rakyat mestilah bersiap siaga membahayakan bantuan semasa Recemason.

[4 markah]

1249/2

[Lihat halaman sebelah

4 Perpaduan kaum dan integrasi nasional dicapai oleh negara melalui pemeraksanaan bahasa Melayu.

(a) Nyatakan langkah-langkah bagi memartabatkan bahasa Melayu.

(i) Akta Bahasa Kebangsaan ✓

(ii) UKM ✓

[2 markah]

(b) Bagaimanakah langkah-langkah tersebut dapat dicapai?

Bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi. Bahasa Melayu digunakan sbg alat komunikasi rasmi dlm urusan di jabatan kerajaan. Penukuan UKM yang menawarkan pelbagai jurnsian dlm bahasa Melayu.

[4 markah]

(c) Masih ada dalam kalangan warganegara Malaysia pada hari ini yang tidak mampu berbahasa Melayu dengan baik walaupun lahir dan membesar di negara ini.

Mengapakah perkara tersebut berlaku?

Hal ini berlaku kerana sikap masyarakat yang lebih mementingkan bahasa lain seperti bahasa Inggeris. Selain itu, msykt memandang rendah terhadap BM. Ada juga yg bangga BM sbg bahasa kelas dua dan ketinggalan zaman.

[4 markah]

4

10

Esei → 5 soalan → $S7 + S8 + S9$
7 (F5)

1249/2

$S5 + S6$
(F4)

Bahagian B

[60 markah]

Jawab **tiga** soalan sahaja.

5 Persekutuan Tanah Melayu 1948 diperkenalkan bagi menggantikan Malayan Union 1946.

T4B5

(a) Mengapakah Persekutuan Tanah Melayu 1948 ditubuhkan?

[6 markah]

(b) Huraikan kesan penubuhan Persekutuan Tanah Melayu 1948.

[6 markah]

(c) Baca petikan berikut.

Perlembagaan Malayan Union memindahkan segala kekuasaan Raja-raja Melayu kepada Raja Britain sekali gus telah melenyapkan kedaulatan para baginda. Manakala dalam Perlembagaan Persekutuan 1948, kedaulatan Raja-raja Melayu telah dikembalikan. Walau bagaimanapun, dalam Perlembagaan Persekutuan 1948, para baginda perlu menyerahkan sebahagian daripada kekuasaan baginda bagi membolehkan kerajaan pusat yang dibentuk dapat berfungsi dalam sistem pemerintahan persekutuan. Perlembagaan Malayan Union juga dilihat memperuntukkan pelaksanaan pemerintahan bersifat kesatuan. Kerajaan pusatnya diketuai oleh seorang Gabenor yang diperuntukkan kuasa yang begitu luas. Kerajaan negeri sungguhpun dikekalkan namun tidak ditetapkan sebarang bidang kuasa kecuali jika diturunkan oleh kerajaan pusat.

Perlembagaan Persekutuan 1948 pula meletakkan negeri-negeri Melayu, Pulau Pinang dan Melaka di bawah sistem persekutuan yang menggariskan pemisahan kuasa yang jelas antara kerajaan pusat dan kerajaan negeri. Memandangkan perbincangan mengenai Malayan Union dan Persekutuan 1948 telah banyak diperkatakan oleh para sarjana, maka kertas ini akan lebih difokuskan kepada persoalan-persoalan seperti sejauh mana mudahnya MacMichael memperoleh tandatangan Raja-raja Melayu, pelaksanaan Perlembagaan Malayan Union dan sejauh mana Perlembagaan Persekutuan 1948 telah menetapkan Raja-raja Melayu pada kedudukan seperti mana sebelum teretusnya perang.

Sumber: Ubah suai daripada tulisan Mohd Rus, Ahmad Kamal Ariffin (2017) *Malayan Union dan Persekutuan 1948*. In: *Seminar Guru Sejarah: Pemantapan dan Pengisian Ilmu Sejarah Topik Terpilih dalam Sukatan Tingkatan 5, 10-11 Ogos 2017, Dewan Kuliah C, Fakulti Sastera & Sains Sosial, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.*

Huraikan mesej yang terkandung dalam petikan tersebut dan iktibar yang boleh diambil.

[8 markah]

1249/2

[Lihat halaman sebelah

6 **Komunisme** ialah ideologi yang diasaskan oleh Karl Marx dan Friedrich Engels. Penyebaran fahaman komunis dibawa dari negara China dan Indonesia.


(a) Terangkan cara kemasukan pengaruh komunis di negara kita.

[6 markah]

(a) Ancaman komunis telah memberi impak yang besar terhadap negara kita. Jelaskan.

[6 markah]

(c) Gambar menunjukkan kekejaman yang dilakukan oleh pihak komunis.



Berdasarkan gambar tersebut, jelaskan kehidupan rakyat ketika zaman darurat.

[8 markah]

- 7 Yang di-Pertuan Agong mempunyai peranan yang luas dalam pemerintahan negara.
- (a) Jelaskan kedudukan institusi Yang di-Pertuan Agong berdasarkan Perlembagaan Persekutuan. [4 markah]
- (b) Terangkan bidang kuasa Yang di-Pertuan Agong. [8 markah]
- (c) Institusi Yang di-Pertuan Agong perlu dikekalkan. Bincangkan. [8 markah]

8 **Pembentukan Malaysia** merupakan peristiwa penting dalam sejarah negara. Beberapa langkah dibuat untuk menjayakan pembentukan Malaysia.

(a) Jelaskan tentang jawatankuasa berikut:

(i) Jawatankuasa Setia Kawan Malaysia (JSKM).

[4 markah]

(ii) Jawatankuasa Antara Kerajaan (JAK).

[4 markah]

(b) Huraikan cabaran selepas pembentukan Malaysia.

[4 markah]

(c) Baca maklumat dalam petikan berikut.

31 Ogos 1957 dan 16 September 1963, merupakan dua hari keramat bagi negara kita. Jadi oleh yang demikian, mari kita raikan dan tunjukkan bahawa kita adalah satu generasi rakyat yang faham perjuangan bapa-bapa dan ibu-ibu kita mencapai kemerdekaan. Bagaimana harus kita tunjukkan kesetiaan dan kecintaan kita? Tidak lain dan tidak bukan adalah menerusi pematuhan terhadap semangat dan prinsip perlembagaan, di samping meraikan, menyantuni dan menjayakan hari keramat 31 Ogos. Saya syorkan mulai sekarang sehingga 31 Ogos Hari Kemerdekaan Negara dan seterusnya Hari Malaysia 16 September, kita kibarkan Jalur Gemilang dengan megah di setiap kenderaan, bangunan pejabat, di rumah dan di mana sahaja untuk menunjukkan bahawa Malaysia sekarang bangkit sebagai sebuah negara yang bersatu padu yang mempunyai cita-cita dan idealisme untuk menghayati semangat kemerdekaan itu. Mulai hari ini sehingga 31 Ogos, Hari Kemerdekaan Tanah Melayu dan 16 September, Hari Malaysia kibarkan bendera Malaysia 'Jalur Gemilang'. Ini merupakan satu cetusan semangat baharu dan petanda perubahan dalam negara kita.

Sumber diubah suai daripada petikan ucapan khas Perdana Menteri, 22 Ogos 2023

Jelaskan maklumat yang terkandung dalam ucapan tersebut dan langkah-langkah untuk mengukuhkan negara bangsa Malaysia.

[8 markah]

- 9 Maklumat berikut merupakan isu yang dibangkitkan oleh Malaysia di peringkat antarabangsa.

- Isu Palestin
- Isu Syria

- (a) Mengapakah isu tersebut berlaku?

[4 markah]

- (b) Bagaimanakah Malaysia menangani isu tersebut?

[8 markah]

- (c) Gambar berikut berkaitan isu keamanan dan kemanusiaan pada masa kini.



Sumber: <https://www.penerangan.gov.my/konflik-timur-tengah-2/>

Jelaskan mesej yang disampaikan melalui gambar tersebut.

[8 markah]

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT